


# Kerana Aku Mahu Syurga

BONDA  
NOR  
SDN BHD



BONDA NOR

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATSIAN  
KEIMPINAN  
PERDANA

# Bonda Nor

Sdn Bhd

F-G-3, Indah Condominium, Jalan PJU 10/9,  
Prima Damansara, 47130 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

## Kerana Aku Mahu Syurga

Terbitan Pertama 2025

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak Bonda Nor Sdn. Bhd.

**PENULIS**  
Bonda Nor

**REKA LETAK**  
Reka Lukis

**PEMASARAN**  
Cik Pae  
(011-23215587)

**PRUF**  
Faizah Ahmad



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-967-0018-88-1

297.57  
P.01

# Kerana AKU Mahu Syurga



BONDA NOR



# Kandungan

Prolog	vi
Bicara Bonda Nor	viii
Syurga yang Kurindu	1
Jalan Kembali	8
Menggenggam Kekuatan	13
Tiket Syurga	21
Sisa Waktu	30
Jangan Kosong	33
Mulakan Dengan yang Paling Mudah	38
Bersunyi-sunyi dengan Dia	47
Mujahadah Itu Indah	56
Terpaksa Hingga Terbiasa	58
Awak Cantik!	66

Sehelai Purdah Menutup Wajah	68
Amanah Masa dan Tenaga	77
Mencari Inspirasi	83
Membina <i>Circle</i> dan Kekuatan	91
Dunia di Tangan, di Hati Jangan	103
Melentur Istiqamah	109
Menunggu Cerita Baru	118
Berpimpin ke Syurga	120
Saat Tiada Lagi Percaya	129
Laluan Berbeza	134
Harga yang Perlu Dibayar	139
Beri Walau Pun Engkau Benci	141
Biarkan Ia Pergi	148
Menangisi Diri	149
Sebelum Masa Tamat	154
Terus Tersenyum Sesukar Apa Pun	161
Mujahadah Terakhir	164

# Prolog

Mak marah sebab aku kurang ajar, ambil rotan dan pukul aku. Aku yang sedang panas hati, rampas rotan itu dan balas pukul mak semula, kemudian lari. Dan kebun sebelah rumah itu jadi saksi perangai *rebel* dan berani aku yang akhirnya memakan diri!

*“Kau tahu tak apa pak cik sebelah tu cakap? Dia kata, tak pernah jumpa budak jahat macam ni! Ya Allah! Mak malu! Budak yang dia kata tu anak mak!”*

Subhanallah. Pening kepala mak abah sepanjang proses untuk mendewasakan aku.

Sejenis yang berani tak tentu hala. Kadang lewat tengah malam, anak dara mereka ini baru parkir motor

di rumah mak. Baru sampai dari Kuala Lumpur. Ya, sesuka hati saja mahu rentas lebuhraya sunyi sepi seorang diri!

Kuala Lumpur – Melaka itu biasa. Merayap ke sana sini, itu biasa. Melepak dengan kawan-kawan sampai jam tiga pagi, juga biasa. *Camping* tepi laut, panjat gunung, itu hobi. Salah tegur, berdentum pintu bilik dihempas. Salah marah, merajuk tak balik rumah.

Entah apa jawapan mak agaknya pada saudara mara apabila aku tak balik berhari raya. Ketika orang sibuk bergembira memotong daging korban dengan penuh kesyukuran, mak berendam air mata! Ya, terlalu banyak aku hamburkan kecewa pada mak dan abah. Tak habis-habis memalukan mereka!

*Namun, barangkali klimaks kekecewaan mak abah terhadap aku mungkin saat aku menyampaikan berita duka, aku terkandas dalam pengajian dan gagal membawa segulung ijazah yang mereka harapkan.*

# Bicara Bonda Nor

Sedar diri, tahu diri ini banyak dosa. Fokus aku, *waqina azabannar*. Jauhkan aku dari azab neraka, ya Allah! Betul, asalkan terselamat daripada api neraka pun cukuplah. Jadi, fokus aku pada merayu keampunan, sebab aku takut neraka.

Syurga? Serius, aku segan nak berangan tentang syurga. Amalan memang tak ada apa sangat. Yang sunat memang malas, yang wajib pun kadang culas. Jadi, dari dulu aku memang rasa sangat tak layak untuk masuk syurga. Tak apalah, tak dapat nikmat syurga

pun tak apa. Janji aku tak kena seksa. Janji tak masuk neraka!

Tapi di akhirat kan cuma ada dua tempat! Kalau aku tak nak ke neraka, aku nak pergi mana? Mestilah syurga. Logiknya macam itulah. Tapi tetap juga aku rasa sangat tak layak nak fikir tentang syurga. Aku malu dengan Allah.

Sampailah suatu hari, aku terdengar nasihat seorang pendakwah. Katanya, “Jangan minta dengan kelayakan kita, tapi mintalah dengan kemampuan Allah memberi!

Katanya lagi, “Jangan minta yang kecil-kecil, tapi mintalah nikmat yang besar-besar. Jangan malu-malu meminta dengan Allah!”

Allahuakbar! Sungguh, ayat itu buat aku rasa nak menangis. Selama ini aku minta yang kecil-kecil saja. Aku takut berharap terlalu tinggi sebab aku tahu aku tak layak minta apa-apa pun. Aku ini banyak dosa, selalu derhaka pada Allah!

Aku macam lupa yang Allah Maha Pengampun. Aku macam lupa yang Allah Maha Mengasihani. Tatkala

aku dengar pendakwah tu cakap macam tu, barulah aku sedar kesilapan aku. Barulah dalam hati aku terus berbunga harapan. Terus buat aku faham tentang *khauf* dan *raja*'.

Apa itu *khauf* dan *raja*'?

*Khauf itu rasa takut. Takut Allah murka, takut azab neraka, takut amalan ditolak. Pendek kata, ia buat kita hati-hati. Ia buat kita sedar diri. Kalau tak ada khauf, mungkin kita akan hidup selamba tanpa peduli dosa. Sebab itu, khauf perlu. Rasa takut itu perlu ada. Ia benteng supaya kita tak leka!*

Tapi kalau terlalu takut? Itu pun bahaya juga. Boleh menyebabkan kita berputus asa.

Di sinilah pentingnya *raja*' iaitu harap. Harap pada rahmat Allah. Harap pada ampunan-Nya. Harap kepada sifat Allah yang Maha Pengasih, Maha Pemurah, Maha

Mengasihi hamba-Nya. Kalau tak ada *raja'*, kita akan sentiasa rasa putus asa. Kita akan rasa diri terlalu hina untuk dikasihi Allah.

Sedangkan Allah berfirman:

*“Janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampunkan dosa-dosa semuanya. Sesungguhnya, Dia-lah Yang Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang.”*  
(Surah Az-Zumar, ayat 53)

Jadi, *khauf* dan *raja'* ini ibarat sepasang sayap yang kita perlu untuk terbang ke syurga. Kita kena ada kedua-dua belah sayap ini, baru boleh terbang, baru seimbang. Kita takut, tapi kita juga berharap. Kita sedar diri kita hina, tapi kita juga percaya pada kasih sayang Allah yang Maha Mulia. Kita berusaha untuk menjadi lebih baik, tapi kita juga tahu bahawa segala-galanya bergantung kepada rahmat Allah.

Sejak aku faham tentang ini, fokus aku berubah. Aku masih takut neraka, itu tentu! *Waqina azabannar*. Itu tetap menjadi doa yang aku ucapkan dengan penuh ketakutan. Tapi aku sudah pandai menanam benih-

benih harapan. *Rabbana atina fiddunyahasanaah*, aku minta Allah beri aku cemerlang di dunia. *Wafilakhirati hasanaah*, dan di akhirat pun aku mahu cemerlang juga. Cemerlang akhirat, maksudnya syurga. Bukan syurga biasa-biasa. Aku nak syurga tertinggi. Yang paling dekat dengan Rasulullah SAW. Bahkan, aku nak masuk syurga tanpa hisab dan tanpa azab!

“Jangan minta dengan kelayakan kita, tapi mintalah dengan kemampuan Allah memberi! Jangan minta yang kecil-kecil, tapi mintalah nikmat yang besar-besar. Jangan malu-malu meminta dengan Allah!”

*Subhanallah, tak sangka kata-kata seperti ini boleh menjadi motivasi yang tinggi pada aku untuk semakin berani meminta syurga. Aku tahu aku tak layak, tapi Allah boleh beri kalau Dia mahu beri!*

Ya, aku mahu syurga! Jadi, aku belajar untuk mencintai dan merindunya. Aku mula belajar tentang nikmat-nikmatnya. Bagaimana penghuninya akan

mendapat apa sahaja yang mereka mahukan, tanpa usaha yang melelahkan. Bagaimana hati mereka akan sentiasa tenang, tiada lagi dengki dan iri hati, tiada lagi tekanan perasaan. Bagaimana mereka akan hidup tanpa perlu memikirkan dosa, tanpa perlu bermujahadah mengawal amarah.

Bayangkan. Hidup dalam dunia yang tiada kecewa. Tiada penat. Tiada sakit. Hanya bahagia yang tak berpenghujung! Ya Allah, tenangya hidup!

Di syurga nanti, aku mahu bertemu dengan Rasulullah SAW. Aku mahu mendengar suaranya, melihat wajahnya dan menyatakan kepadanya betapa aku mencintai sunahnya walaupun aku hidup berabad-abad selepas pemergiannya. Aku mahu berada dekat dengan orang-orang yang Baginda sayangi, mahu mendengar kisah-kisah tentang perjuangan mereka daripada lisan Baginda sendiri.

*Dan paling agung, aku mahu  
melihat Allah! Aku mahu  
bertemu dengan Dia yang  
selama ini segala sujudku,  
mujahadaku hanya untuk Dia!*

Masya-Allah, betapa besarnya nikmat itu. Itulah impian tertinggi yang aku tanam dalam hati. Aku mahu bertemu dengan Allah dalam keadaan Dia reda kepada aku. Aku mahu merasai kebahagiaan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata, saat Allah menatapku dengan rahmat-Nya dan menerima aku sebagai hamba yang diredai-Nya.

Aku tahu, aku masih jauh daripada sempurna. Aku tahu, aku masih sering tersilap langkah. Tapi aku tidak lagi meragui kasih sayang Allah. Aku tidak mahu fikir lagi sama ada aku layak atau tidak untuk masuk syurga. Aku hanya perlu berusaha, dan selebihnya biarlah Allah menentukan segalanya.

Jadi, aku tuliskan buku ini. Kalau kau pernah rasa apa yang aku rasa dan sedang rasa apa yang aku rasa, buku ini untuk kau. Aku nak kita berjuang sama-sama. Aku pegang pada ayat Allah tentang golongan yang terselamat daripada rugi seperti yang terkandung dalam surah al-Asr. Maka inilah aku sedang berusaha untuk masuk ke dalam golongan yang terselamat daripada kerugian iaitu yang berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran.


Walaupun aku sendiri tidak banyak ilmu tapi aku tetap mahu berpegang pada pesanan Baginda Rasulullah SAW agar terus sampaikan kebaikan walaupun satu ayat. Hanya dengan itu, aku, kau, kita semua akan dapat mengekalkan momentum semangat!

*Selamat menelusuri  
bingkisanku kali ini yang  
berjudul KERANA AKU  
MAHU SYURGA. Janji,  
ini matlamat agung kita  
bersama. Jadi, ayuh kita  
mulakan dengan doa,  
semoga buku ini menjadi  
asbab kita mampu terus  
istiqamah berjuang, hingga  
akhirnya nanti beroleh husnul  
khatimah. Syurga tertinggi,  
biiznillah!*

Sabda Rasulullah SAW dalam  
sebuah hadis qudsi: Allah SWT berfirman:

*"Aku telah menyediakan bagi hamba-hamba-Ku yang soleh kenikmatan yang belum pernah mata melihatnya, belum pernah telinga mendengarnya, dan belum pernah pula terdetik dalam kalbu manusia'."*

*(Hadis Riwayat Bukhari)*



# Syurga yang Kurindu

Aku belajar tafsir Juzuk 30 yang ada dalam al-Quran. Masa tu, jujur cakap, aku lebih mudah membayangkan azab neraka hingga hati aku sangat gerun memikirkannya. Nikmat syurga, walaupun turut dinyatakan juga, aku macam tak ambil *port*. Jadi, susah aku nak bayangkan semua nikmat syurga yang Allah sebut.

Tapi bila aku mula selami lagi ayat-ayatnya, aku sedar bahawa syurga bukan sekadar tempat yang cantik. Ia adalah tempat yang penuh dengan ketenangan, kebahagiaan dan nikmat yang tak pernah terlintas

dalam fikiran manusia. Aku mula membandingkan nikmat syurga dengan situasi hidup kita semua di dunia.

Dunia ini buat kita penat. Bangun pagi, berkejaran dengan urusan keluarga, urusan kerja, pengajian dan macam-macam lagi sampaikan masalah yang datang tak pernah berhenti. Kadang-kadang, kita terasa juga nak rehat sekejap daripada semua kekalutan ini, tapi dunia memang tak akan pernah beri. Sentiasa ada perkara yang perlu difikirkan, perlu diselesaikan. Waima kalau pergi bercuti pun, tetap ada saja masalah yang hinggap – *flight delay*, hotel ramai orang, makanan tak sedap. Subhanallah.

*Tapi di syurga, semua beban itu akan hilang. Tak ada lagi stres, tak ada lagi kerisauan, tak ada lagi keletihan. Hanya ketenangan yang tak berpenghujung. Abadi!*

Bayangkan, di syurga nanti, kita akan dapat apa sahaja yang kita inginkan. Tak perlu bersusah payah bekerja, tak perlu berpenat lelah. Hanya minta, dan

semuanya akan hadir di depan mata. Ini baru sekecil-kecil nikmat, ya!

Dalam syurga ada banyak lagi kejutan yang tak disangka-sangka, yang tak terfikir dan tak tergambar pun di fikiran kita. Walaupun Allah dah beritahu dalam al-Quran, tetap juga tak mampu kita nak gambarkan!

Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 25:

*“Dan sampaikanlah berita gembira kepada mereka yang beriman dan berbuat baik, bahawa bagi mereka disediakan syurga-syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya. Setiap mereka diberi rezeki buah-buahan dalam syurga-syurga itu, mereka mengatakan: ‘Inilah yang pernah diberikan kepada kami dahulu.’ Mereka diberi buah-buahan yang serupa dan untuk mereka di dalamnya ada isteri-isteri yang suci, dan mereka kekal di dalamnya.”*

Boleh bayangkan tak segala nikmat yang Allah sebut ni? Kita dengar tentang buah-buahan, tentang pasangan, tentang sungai ... yang terbayang di fikiran kita hanyalah seputar apa yang telah kita saksikan di dunia.

# Kerana Aku Mahu Syurga

Ya Allah,

Aku menghitung dosa-dosaku yang sudah tidak mampu kuhitung. Mahu ke syurga telah mustahil bagiku namun masih tidak mustahil dengan izin-Mu.

Aku menghitung hari kematian namun juga tidak mampu kuhitung. Entah bila, entah di mana, entah bagaimana.

Kadang, ajal itu bagai sudah tiba.  
Kadang, hidup bagai baru bermula.  
Akhirnya, rahsia tetap rahsia!

Terserah Engkau, ya Allah. Aku pasrahkan diriku hanya pada berdoa. Memohon syurga, memohon husnul khatimah. Mohon perkenan-Mu. Mohon persiapkan aku.

ISBN 978-967-0018-88-1



9 789670 018881

**BONDA  
NOR**  
SDN. BHD